IBU PEJABAT
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA
ARAS 3-5, NO. 26, JALAN TUN HUSSEIN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03 8892 8000
Telefax : 03 8881 0293
Portal Rasmi : www.jpj.gov.my

Ruj. Kami : JPJ.BM.700-4/1/31(16)

Tarikh : 20 Ogos 2019

Seperti diedaran

YBhg Dato'/ Tuan/ Puan,

PENGGUNAAN BORANG PEMERIKSAAN KESIHATAN (JPJL8A) BAHARU BAGI PERMOHONAN ATAU PEMBAHARUAN LESEN VOKASIONAL

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara diatas dan mesyuarat pada 19 Ogos 2019 antara JPJ, KKM dan MMA adalah berkaitan.

2. Seperti yang sedia maklum, prosedur pemeriksaan kesihatan bagi menentukan tahap kesihatan pemandu kenderaan perdagangan telah sedia ada digunapakai bagi tujuan permohonan atau pembaharuan Lesen Vokasional (PSV/GDL).

3. Penggunaan borang pemeriksaan kesihatan dibahagikan kepada dua kategori iaitu semasa permohonan Lesen Vokasional (JPJL8A – **LAMPIRAN A**) atau semasa pembaharuan Lesen Vokasional (JPJL8 – **LAMPIRAN B**). Dalam hubungan ini, Jabatan ini melihat terdapat keperluan untuk menambahbaikan penilaian pemeriksaan kesihatan melalui penggunaan borang pemeriksaan yang sedia ada.

4. Bagi tujuan tersebut, satu jawatankuasa penilaian semula telah ditubuhkan yang terdiri daripada Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Melalui jawatankuasa ini, pemeriksaan kesihatan telah dikaji semula dengan format baharu borang pemeriksaan kesihatan yang lebih komprehansif dan praktikal. Selari dengan itu, penilaian ini juga telah mengambil kira golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) bagi memberi peluang kepada golongan ini untuk mengendalikan Kenderaan Perkhidmatan Awam (PSV – teksi/kereta sewa/e-hailing) sahaja.

5. Hasil penilaian tersebut telah memutuskan bahawa permohonan baharu atau pembaharuan Lesen Vokasional hendaklah menggunakan format baharu borang pemeriksaan kesihatan (JPJL8A – **LAMPIRAN C**). Elemen pemeriksaan boleh dirujuk melalui Standard Pemeriksaan Perubatan bagi Lesen Vokasional (*Medical Examination Standard* – **LAMPIRAN D**).

6. Mesyuarat penyelarasan yang melibatkan JPJ, KKM dan *Malaysian Medical Association* (MMA) berhubung penggunaan borang pemeriksaan kesihatan (JPJL8A) baharu bagi permohonan atau pembaharuan Lesen Vokasional yang diadakan pada 19 Ogos 2019 di Ibu Pejabat JPJ telah memutuskan perkara seperti berikut :-

6.1. Penggunaan borang pemeriksaan kesihatan baharu (JPJL8A – **LAMPIRAN C**) adalah terpakai bagi permohonan atau pembaharuan Lesen Vokasional;

6.2. Penggunaan borang borang pemeriksaan kesihatan baharu (JPJL8A – **LAMPIRAN C**) akan mula berkuatkuasa pada **1 Oktober 2019**;

6.3. Sebagai tempoh peralihan borang (JPJL8A – **LAMPIRAN A**) dan borang (JPJL8 – **LAMPIRAN B**) yang telah mendapat pengesahan pegawai perubatan kerajaan/ pengamal perubatan yang berdaftar sehingga tarikh **30 September 2019** boleh diterima sebagai dokumen rasmi untuk urusan permohonan/ pembaharuan Lesen Vokasional sehingga **15 Oktober 2019**;

6.4. Bayaran pemeriksaan kesihatan yang dikenakan bagi setiap pemeriksaan (JPJL8A) untuk seorang di klinik swasta berdaftar (*general practitioner*) ditetapkan sebanyak **RM80.00**. Kadar bayaran ini tertakluk kepada pindaan semasa yang dipersetujui bersama kelak;

6.5. Bayaran pemeriksaan kesihatan di fasiliti kesihatan kerajaan adalah tertakluk kepada perintah fi (perubatan) yang dikeluarkan oleh KKM.

6.6. Pihak JPJ dan KKM hendaklah membuat hebahan berhubung penggunaan borang pemeriksaan kesihatan (JPJL8A) yang baharu ini ke dalam portal rasmi dan kepada pihak yang berkaitan dibawah seliaan agensi masing-masing;

6.7. Pihak MMA hendaklah membuat pemakluman dan hebahan kepada semua pengamal perubatan yang bertauliah dan klinik swasta yang berdaftar berhubung garis panduan, kadar bayaran dan proses pemeriksaan yang perlu dibuat melalui penggunaan borang pemeriksaan kesihatan baharu (JPJL8A – **LAMPIRAN C**).

7. Segala kemusykilan mengenai pekara ini hendaklah dirujuk kepada Bahagian Pelesenan Pemandu, Ibu Pejabat Putrajaya. Perhatian dan kerjasama berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"MESRA, CEKAP, TELUS"

Saya yang menjalankan amanah,

(RIZAL ZAIDI BIN MAT RAWI)
Pengarah Pelesenan Pemandu
b.p. Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan
Malaysia.

SENARAI EDARAN.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
Sektor Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar,
Bahagian Kawalan Penyakit,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 2, Blok E3, Komplek E,
Pejabat Kerajaan Persekutuan Persint 1,
62590 Putrajaya.
(u/p: **DR. PRIYA RAGUNATH**)

Setiausaha Agong
Malaysian Medical Association (MMA)
Tingkat 4, Bagunan MMA,
124, Jalan Pahang,
53000 Kuala Lumpur.
(u/p: **DR. THIRUNAVUKARASU RAJOO**)

s.k:

YBhg. Dato' Sri Shaharuddin Khalid
Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia

YBrs. Tuan Zamakhshari Bin Hanipah
Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan dan Operasi)

Tuan Shamsudin Bin Sharif
Pengarah Bahagian Teknologi Digital

Puan Zahidah Binti Abd Jalil
Bahagian Korporat Dan Perancangan Strategik

Bahagian Logistik Dan Pengangkutan Darat
(En. Mohd Kamal Hisham Abu Bakar)

Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa
(Pn. Nur Ayuni Mahammad Zin)